

UMNO: Tidak Perlu Tukar Kerajaan Kerana BN Sentiasa Buat Perubahan - Najib Bernama
29 November, 2012

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak memerlukan perubahan dalam tampuk pemerintahan kerajaan kerana Barisan Nasional (BN) yang menerajui negara ini sejak Merdeka sentiasa membuat perubahan mengikut peredaran zaman dan keadaan semasa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Perdana Menteri merangkap Presiden Umno berkata sejak lebih 50 tahun lalu, Parti Perikatan dan kemudiannya BN secara berterusan menerajui negara dengan membawa perubahan dan pembaharuan dengan lonjakan berganda dengan Keberterusan Transformatif.

Ini, katanya, menjurus kepada perubahan Malaysia daripada negara terjajah kepada negara merdeka, daripada negara berstatus negara pertanian berpendapatan rendah kepada negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi.

"Pendapat dan teori konvensional yang mengatakan perubahan dan pembaharuan akan hanya berjaya jika kita menukar kerajaan tidak boleh diterima pakai di Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden bertemakan 'Kepimpinan Transformatif Menuju Wawasan Nasional' sempena perasmian Perhimpunan Agung Umno 2012 di sini hari ini.

Berucap di hadapan lebih 2,700 anggota perwakilan di Dewan Merdeka, Najib berkata BN sebagai parti pemerintah sentiasa memikirkan kaedah atau rekayasa terkini bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa.

Najib menarik perhatian ada pendapat mengatakan apa salahnya memberi peluang kepada pembangkang untuk menang bagi dinilai kemampuan dan keupayaan mereka mengurus negara dan rakyat.

"Namun, ini adalah satu risiko yang amat tinggi kerana masa depan negara, keluarga dan anak-anak kita terlalu berharga untuk dijadikan bahan uji kaji.

"Tanpa penilaian yang betul, teliti dan kritikal, menukar kerajaan ibarat mengamanahkan tikus membaiki labu atau mempercayai serigala menjaga biri-biri," tegasnya.

Najib berkata kejayaan Malaysia sehingga menjadi contoh negara membangun yang amat berjaya bukanlah fantasi yang dikhayalkan kerajaan BN, sebaliknya satu kejayaan nyata yang dapat disaksikan dan dinikmati setiap rakyat.

Beliau berkata bagi parti yang sedang menerajui kerajaan, penilaian terhadap kejayaan mereka dilakukan oleh rakyat berdasarkan dua kayu ukur.

"Pertama, adakah janji-janji lepas telah ditunai dan dilunaskan? Manakala kayu ukur kedua, adakah janji-janji baharu yang dibuat akan lebih membawa manfaat.

"Bagi parti yang tidak pernah membentuk kerajaan, mereka perlu dinilai berasaskan janji yang sedang dibuat. Jika pada peringkat janji lagi sudah tidak boleh dipegang dan dipercayai, maka lebih selamat untuk para pengundi agar menjauhi parti tersebut," tegas Najib.

Perdana Menteri berkata pembangkang dalam usahanya untuk menawan hati rakyat telah mengeluarkan Buku Jingga sebagai manifesto kenapa mereka perlu dipilih menjadi kerajaan dengan 59 janji untuk dilaksanakan sedangkan janji-janji itu tidak munasabah.

"Semua itu hanya nampak muluk-muluk, padahal cerita yang betul tentang kesan buruk jika janji-janji itu dilaksanakan, tidak pula disampaikan kepada pengetahuan rakyat," katanya.

Katanya dalam Buku Jingga, pembangkang menjanjikan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 tetapi realitinya kerajaan BN yang berani mengambil langkah bukan hanya memansuhkan ISA tetapi juga Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri, membatalkan tiga pengisytiharan darurat serta membiarkan ordinan-ordinan yang digubal, lupus.

Tindakan lain yang dibuat ialah meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti bagi membenarkan keanggotaan pelajar dalam parti politik, meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan bagi menghapuskan keperluan lesen tahunan, serta mengembalikan semula hak semakan kehakiman secara amnya kepada mahkamah.

Najib berkata rakyat perlu menilai dan membuat keputusan sama ada mereka mahukan keberterusan transformatif ini oleh Umno dan kerajaan BN, atau terumbang-ambing dalam kata-kata muslihat dan mainan tanggapan tidak masuk akal pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712541>